

SINGAPORE – CAMBRIDGE  
General Certificate of Education Ordinary Level

---

**BAHASA MELAYU**

**1148/2**

Kertas 2

**MALAY**

**SPECIMEN PAPER**

Paper 2

*With effect from 2024 examination*

**1 hour 30 minutes**

Additional Materials: Answer Booklet

---

**ARAHAN UNTUK CALON**

1. Baca arahan yang diberikan bagi tiap-tiap bahagian dengan teliti dan jawab soalan seperti yang diarahkan.
2. Jawab semua soalan. Tulis jawapan atau lorek bujuran berhuruf berdasarkan jawapan pilihan kamu di dalam Buku Jawapan yang disediakan.
3. Kamu tidak dibenarkan membawa Buku Jawapan keluar.

---

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak.



Singapore Examinations and Assessment Board

**BAHAGIAN A (20 MARKAH)****Soalan A1 (10 markah)**

**Arahan:** Pilih sepatah perkataan yang paling sesuai daripada senarai yang diberikan untuk mengisi tempat kosong dalam teks berikut. Kemudian, lorek bujukan berhuruf di dalam Buku Jawapan yang disediakan berdasarkan jawapan pilihan kamu itu.

(A) berbentuk	(B) berupa	(C) khusus
(D) selain	(E) terjamin	(F) tertentu
(G) tumpuan	(H) walaupun	

Sesetengah orang gemar berkhemah di tempat yang kurang mempunyai kemudahan asas kerana menganggap bahawa tempat sedemikian lebih mencabar. Maka, kawasan hutan sering menjadi tempat **(1)** \_\_\_\_\_ bagi mereka. Sebenarnya, untuk merancang perkhemahan bukannya mudah. **(2)** \_\_\_\_\_ perlu memikirkan soal makan minum, kebersihan diri juga harus dititikberatkan.

Untuk memastikan kebersihan tubuh **(3)** \_\_\_\_\_, tisu basah untuk mengelap tubuh ada dijual di pasaran. Di samping itu, syampu yang **(4)** \_\_\_\_\_ bedak untuk membersihkan rambut tanpa perlu menggunakan air turut dijual. Sememangnya, kedai **(5)** \_\_\_\_\_ yang menjual kelengkapan perkhemahan mudah didapati pada hari ini. Dengan adanya kemudahan-kemudahan tersebut, lebih ramai orang dapat melalui pengalaman berkhemah yang lebih bermakna.

**Soalan A2 (10 markah)**

**Arahan:** Teks berikut mengandungi lima patah perkataan yang telah digarisi kerana penggunaannya salah. Gantikan perkataan tersebut dengan perkataan yang sesuai mengikut penggunaannya dalam teks. Kemudian, tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan di dalam Buku Jawapan.

Keharmonian dalam sesebuah negara penting kerana dapat mempengaruhi pembangunan negara tersebut. Singapura merupakan antara negara yang berjaya menyatupadukan masyarakatnya yang **(6) bervariasi** budaya dan agama. Namun, kejayaan Singapura bukanlah sesuatu yang dapat dinikmati dalam masa yang **(7) rendah**. Yang jelas, kerja keras Singapura dalam usaha untuk menangani cabaran menjadi **(8) pengesah** kejayaannya.

Salah satu inisiatif yang diperkenalkan ialah penubuhan Kumpulan Keyakinan antara Kaum dan Agama (IRCC). **(9) Kesan** sangsi terhadap kaum dan agama lain diharapkan akan **(10) meluntur** setelah melalui program-program yang dijalankan oleh IRCC. Sudah sewajarnya, usaha IRCC ini diiktiraf.

(lihat halaman sebelah)

**BAHAGIAN B (20 MARKAH)****Soalan B1 (10 markah)**

**Arahan:** Baca teks-teks berikut dengan teliti.

Teks 1

Peristiwa Ainah dituduh menyebabkan kerugian kepada syarikat tempat kerjanya masih jelas dalam ingatannya. Ainah kesal kerana rancangannya untuk meningkatkan prestasi syarikat tersebut melalui inisiatif-inisiatif baharu dianggap sebagai satu langkah yang silap.

Encik Harun, pengarah syarikat itu, telah menyalahkan Ainah tanpa usul periksa dan mahu memecatnya. Walau bagaimanapun, lembaga pengarah tidak bersepakat untuk memecat Ainah. Mereka menyarankan agar punca kerugian syarikat diteliti semula. Malangnya, Encik Harun tetap dengan keputusannya. Ainah dipaksa meletakkan jawatan sebagai pengurus syarikat itu.

Mujur Ainah tidak mudah menyerah kalah. Dia berusaha untuk membersihkan namanya. Berkat kesabaran Ainah, akhirnya dia berjaya membuktikan bahawa kerugian syarikat tersebut bukanlah berpunca daripada kecuaiannya. Bahkan, disebabkan inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan, syarikat tersebut bertambah maju.

**Arahan:** Berdasarkan teks yang diberikan, nyatakan sama ada penerangan yang diberikan di bawah ini betul atau salah.

Penerangan	Betul atau Salah
(11) Ainah hilang pekerjaan kerana syarikat tempat kerjanya hilang kepercayaan terhadap dirinya.	
(12) Ainah bekerja keras untuk memajukan syarikat tersebut.	
(13) Encik Harun mudah termakan kata-kata lembaga pengarah.	

Teks 2

Apabila ditawarkan untuk membuka syarikat di sebuah negara yang kurang membangun, Aiman segera menerima tawaran itu. Maklumlah, keinginannya untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik kini tercapai. Ternyata, pengalaman bekerja di negara itu telah membuka mata Aiman. Bukan sahaja penduduk negara itu dibebani masalah kewangan, malah mereka juga dibelenggu masalah sosial yang lain.

Pengalaman berjauhan daripada keluarga untuk mencari rezeki turut mendewasakan Aiman. Jika dahulu dia suka membentak, kini, tutur katanya lembut. Aiman sedar bahawa dia harus berhati-hati ketika berbicara agar tidak menimbulkan salah faham. Sememangnya, Aiman berhadapan dengan pelbagai kerenah manusia. Ada yang cuba mengambil kesempatan terhadap kebajikannya. Ada pula yang benar-benar ikhlas terhadapnya. Namun, hal itu tidak pernah mematahkan semangat Aiman.

**Arahan:** Berdasarkan teks yang diberikan, nyatakan sama ada penerangan yang diberikan di bawah ini betul atau salah.

Penerangan	Betul atau Salah
<b>(14)</b> Aiman terdorong untuk membuka syarikat di luar negara kerana ingin memperoleh pendapatan tambahan.	
<b>(15)</b> Kehidupan di luar negara menjadikan Aiman lebih prihatin terhadap kata-kata yang dilafazkannya.	

(lihat halaman sebelah)

**Soalan B2 (10 markah)**

**Arahan:** Baca teks-teks berikut dengan teliti.

Teks 1

## Informasi untuk Anda

### ***Muzium Lilin Madame Tussauds***

*oleh Nazeera Majid*

Kira-kira 250 tahun dahulu, Muzium Lilin Madame Tussauds yang pertama telah ditubuhkan oleh Marie Tussaud. Kemahiran Marie Tussaud membuat patung lilin memang diakui ramai kerana patung lilin ciptaannya benar-benar mirip orang yang bernyawa. Kini, terdapat 21 buah Muzium Lilin Madame Tussauds di beberapa buah negara termasuk di Eropah dan Asia. Yang istimewanya, patung lilin yang terdapat di setiap negara tidak sama kerana setiap muzium turut mempamerkan patung lilin tokoh dan selebriti tempatan.

Lazimnya, muzium dilengkapi dengan pengadang agar para pengunjung tidak menyentuh barang yang dipamerkan. Namun, bagi Muzium Lilin Madame Tussauds, pendekatan yang berbeza telah diambil. Orang ramai dibenarkan menyentuh dan bergambar dengan patung lilin yang mirip tokoh atau selebriti pujaan mereka. Ternyata, pengalaman mengunjungi muzium lilin didapati lebih menyeronokkan. Tambahan pula, gambar yang diambil boleh terus dimuat naik ke media sosial. Oleh sebab itulah, semakin ramai orang yang tertarik untuk mengunjungi muzium lilin.

Sebenarnya, tugas menguruskan muzium lilin bukannya mudah kerana memerlukan kepakaran. Untuk menyiapkan sebuah patung lilin sahaja mengambil masa selama empat bulan dan memerlukan seramai 15 orang pekerja. Sekiranya patung lilin itu perlu dikirimkan ke luar negara, tambang pengangkutan harus **diambil kira**. Hakikatnya, kos pengurusan muzium lilin sangat tinggi.

Malah, masa yang lama juga perlu diperuntukkan untuk menjaga patung lilin. Misalnya, sebelum muzium dibuka, patung lilin harus dibersihkan. Sekali-sekala pula, rambut patung perlu dicuci dan wajah patung disolek. Pasti, wang yang banyak diperlukan untuk melakukan semua ini. Sudah sewajarnya, tiket masuk ke muzium lilin tidak murah kerana sebahagian wang yang dikumpulkan perlu digunakan untuk membiayai kos pengurusan muzium termasuk kos penjagaan patung lilin tersebut.

**Arahan:** Berdasarkan teks yang diberikan, jawab soalan-soalan berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Kemudian, lorek bujukan berhuruf di dalam Buku Jawapan yang disediakan berdasarkan jawapan pilihan kamu itu.

- 16** Muzium Lilin Madame Tussauds berjaya menarik kunjungan ramai orang kerana muzium itu \_\_\_\_\_.
- (A) terkenal dengan patung lilin ciptaan Marie Tussaud
  - (B) mempamerkan patung lilin yang tidak sama di setiap negara
  - (C) terdapat di beberapa buah negara termasuk di Eropah dan Asia
  - (D) mengambil pendekatan yang berbeza daripada muzium-muzium lain
- 17** Berdasarkan perenggan ketiga dan keempat, kita boleh membuat kesimpulan bahawa \_\_\_\_\_.
- (A) ramai pekerja diperlukan untuk menjaga patung lilin
  - (B) pengurusan muzium lilin menelan belanja yang besar
  - (C) kepakaran diperlukan untuk menguruskan muzium lilin
  - (D) masa yang lama diperlukan untuk menyiapkan patung lilin
- 18** Perkataan 'diambil kira' dalam teks ini bermaksud \_\_\_\_\_.
- (A) dikaji
  - (B) diteliti
  - (C) diperhatikan
  - (D) dipertimbangkan

(lihat halaman sebelah)

## Majalah Bulanan Keluarga Kita


### Siri ke-13

# Cabaran Jimat Tenaga 2024

1 Julai – 31 Ogos

Cabaran Jimat Tenaga kembali lagi. Amalkan penjimatan tenaga dalam kehidupan anda dan sertailah cabaran ini.

Warga Singapura yang dapat mengurangkan penggunaan tenaga sebanyak dua peratus berpeluang untuk memenangi hadiah-hadiah menarik.



Semua orang sedar bahawa usaha untuk menjimatkan tenaga penting. Namun, tahukah anda cara-cara untuk menjimatkan tenaga?

Ayuh, datanglah beramai-ramai ke majlis pelancaran Cabaran Jimat Tenaga 2024 dan dapatkan panduan untuk menjimatkan tenaga!

**Tarikh** : Sabtu, 29 Jun 2024  
**Masa** : 9 pagi hingga 12 tengah hari  
**Tempat** : Taman Selasih

CABARAN  
 ANDA,  
 CABARAN  
 KAMI!

**Lebih ramai warga Singapura yang melibatkan diri, lebih banyak tenaga yang dapat dikurangkan.**

*Ayuh, tingkatkan pelibatan sebanyak 10% berbanding dengan tahun lepas! Kejayaan cabaran ini terletak di tangan anda!*

## Tip untuk Anda

*Perkongsian tip oleh pelbagai golongan masyarakat*



- terbukti berkesan
- mudah diikuti

Kembali sekali atas permintaan ramai!

Dapatkan tip berguna yang diamalkan oleh orang tua-tua dahulu.

**TIP**  
**1**

**Hapuskan lipas dengan menggunakan daun pandan.**

*Ikut beberapa helai daun pandan dan letakkan di ceruk-ceruk di dalam rumah. Gantikan daun apabila sudah kering.*

*Encik Dahlan Mahmud, peniaga*

**TIP**  
**2**

**Hilangkan bau bawang putih di dalam bekas.**

*Tuang air yang dicampurkan dengan soda penaik ke dalam bekas dan biarkan selama 15 minit. Kemudian, cuci bekas itu.*

*Puan Azizah Kamal, suri rumah*

Ingin tahu tip lain yang belum pernah disenaraikan? Hubungi Cik Lina Ali melalui talian 6123 4567 atau kirimkan e-mel kepada lina@kgoomail.com!



**Arahan:** Berdasarkan teks yang diberikan, jawab soalan-soalan berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Kemudian, lorek bujuran berhuruf di dalam Buku Jawapan yang disediakan berdasarkan jawapan pilihan kamu itu.

- 19** Cabaran Jimat Tenaga 2024 hanya akan dianggap berjaya sekiranya \_\_\_\_\_.
- (A) orang ramai sedar bahawa menjimatkan tenaga penting
  - (B) penggunaan tenaga dapat dikurangkan sebanyak dua peratus
  - (C) pelibatan warga Singapura meningkat naik berbanding dengan tahun lepas
  - (D) orang ramai dapat sama-sama turut serta dalam majlis pelancaran cabaran itu
- 20** Ruang 'Tip untuk Anda' mendapat sambutan yang cukup menggalakkan kerana ruang tersebut \_\_\_\_\_.
- (A) memberi orang ramai tip yang mudah diikuti
  - (B) mendidik orang ramai tentang tumbuh-tumbuhan
  - (C) menyediakan peluang kepada orang ramai untuk berkongsi tip
  - (D) menawarkan bantuan kepada orang ramai melalui telefon dan e-mel

(lihat halaman sebelah)

### BAHAGIAN C (30 MARKAH)

**Arahan:** Baca teks berikut dengan teliti.

Majlis pembukaan klinik haiwan terbaharu aku baru sahaja selesai. Aku benar-benar berbesar hati. Kini, impianku untuk membuka klinik kedua menjadi kenyataan. Sememangnya, di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. Akhirnya, kesukaran yang aku hadapi untuk mendapatkan lokasi yang sesuai berjaya diatasi.

Penduduk di Estet Perumahan Kesuma turut gembira kerana aku dapat memenuhi keperluan mereka. Kini, ada klinik haiwan di estet perumahan mereka. Tiba-tiba, aku terkenang akan peristiwa yang berlaku ketika aku kecil dahulu. 5

“Ibu, mengapakah haiwan ini cedera?” tanya aku kepada Ibu sambil menunjukkan laporan berita yang aku baca.

Ibu turut bersimpati memikirkan nasib anak kucing yang dianaiyai oleh sekumpulan remaja. Akibatnya, anak kucing itu tidak dapat berjalan lagi. Disebabkan peristiwa itu, aku mula **menanamkan azam**. Aku mesti bertindak untuk melindungi haiwan. 10

“Doktor Nurul masih ingat akan saya?” tanya seorang wanita yang berada di majlis itu.

Aku tersenyum. Wanita itu Lina, pegawai eksekutif di Taman Haiwan Mega. Aku masih ingat lagi pengalaman ketika aku mula bertugas di taman haiwan itu. Lina pernah meminta bantuanku untuk menyambut kelahiran seekor beruang di taman haiwan tersebut. Aku panik. Gerun rasanya berhadapan dengan ibu beruang yang akan melahirkan anak. Walau bagaimanapun, aku menguatkan semangat. Aku tidak mahu beruang itu dapat mengesan rasa takutku. Tentunya, hal itu akan merumitkan tugasku. 15 20

“Haiwan tidak boleh berkata-kata. Siapakah lagi yang dapat menghulurkan bantuan jika haiwan tersebut menghadapi masalah kesihatan?” kataku kepada wartawan Majalah Veterinar yang aku jemput khas ke majlis pembukaan klinikku itu.

“Pemilik haiwan pula setakat dapat melihat perubahan pada sikap haiwan kesayangan mereka tetapi tidak dapat mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh haiwan tersebut. Maka itulah, haiwan amat bergantung pada doktor haiwan,” tambah aku lagi. 25

Sememangnya, aku tidak mahu mensia-siakan **kesempatan** diwawancara oleh wartawan itu. Dengan strategi pemasaran ini, aku berharap lebih ramai orang akan mengunjungi klinikku.

Adikku, Izah, tersenyum mendengar kata-kataku. Selama ini, Izah telah banyak berkorban masa dan tenaga. Izah tidak begitu meminati haiwan. Namun, dia sanggup melepaskan jawatannya sebagai pegawai bank semata-mata untuk membantu aku menguruskan klinik haiwan pertamaku. Setiap hari, Izah akan membersihkan kandang dan mencuci najis haiwan tanpa berasa kekok. Biasanya, Izah juga akan membantu aku menyusun produk-produk keperluan haiwan yang aku jual untuk memastikan aku memperoleh kejayaan yang diharapkan. Dengan cara ini, pendapatanku semakin meningkat. Aku amat menghargai sokongannya itu. 30 35

“Kak Nurul, ada tamu,” kata Izah.

Rupa-rupanya, Encik Leong, jiran lama kami, datang berkunjung dengan membawa kucing kesayangannya. Nampaknya, kucing Encik Leong menjadi ‘pelanggan’ pertama di klinikku ini. 40

**Arahan:** Berdasarkan teks yang diberikan, jawab soalan-soalan berikut. Kemudian, tulis jawapan kamu di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

- 21** Perkara apakah yang menghalang Doktor Nurul daripada membuka klinik haiwan keduanya? (3 markah)
- 22** Apakah yang menyebabkan Doktor Nurul terdorong untuk menjadi doktor haiwan? (3 markah)
- 23** Doktor Nurul mempamerkan sikap profesional semasa bekerja di Taman Haiwan Mega. Berikan bukti. (3 markah)
- 24** Mengapakah Doktor Nurul mengatakan bahawa '... haiwan amat bergantung pada doktor haiwan' (baris 26)? (3 markah)
- 25** Izah mempamerkan sifat-sifat yang patut dicontohi. Buktikan. (5 markah)

Sifat	Bukti
(a) mengutamakan keperluan orang lain	
(b) sangat berdedikasi	

- 26** Peluang yang tersedia harus dimanfaatkan dengan sebaik mungkin. Berdasarkan pernyataan ini, berikan bukti melalui watak-watak yang diketengahkan. (5 markah)

Watak	Bukti
(a) Nurul	
(b) Izah	

(lihat halaman sebelah)

Bagi **Soalan 27** dan **Soalan 28**, kenal pasti perkataan dalam teks yang mempunyai maksud yang sama dengan frasa di bawah.

**27** mengetahui atau merasai (2 markah)

**28** tidak selesa melakukan sesuatu kerana belum biasa (2 markah)

Bagi **Soalan 29** dan **Soalan 30**, terangkan maksud perkataan atau frasa berikut berdasarkan penggunaannya dalam teks.

**29** menanamkan azam (baris 12) (2 markah)

**30** kesempatan (baris 27) (2 markah)

Selesai

---

*Copyright Acknowledgements:*

Bahagian B Soalan B2 Teks 2  
Photographs

@ Microsoft Word – Icons; @ SEAB

The Singapore Examinations and Assessment Board has made every effort to trace copyright holders, but if we have inadvertently overlooked any, we will be pleased to make the necessary arrangements at the first opportunity.